

28 MAY 1999
Tunisia-Malaysia
MALAYSIA JADI MODEL BAGI TUNISIA

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Tunisia, yang terletak di titik pertemuan timur dan barat Mediterranean, mempelawa syarikat-syarikat Malaysia melabur dalam industri pelancongan dan elektronik di negara itu.

Menteri Luar Tunisia Said Ben Mustapha berkata syarikat-syarikat Malaysia juga boleh merebut peluang-peluang yang terbuka luas di sektor agro perniagaan dan infrastruktur.

Ketika ditemui pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, Mustapha berkata terdapat juga peluang bagi firma-firma Tunisia di Malaysia, terutama dalam bidang pertanian.

"Kedua-dua negara menawarkan banyak potensi bagi pelabur," kata beliau.

Mustapha tiba di sini Rabu untuk lawatan rasmi tiga hari atas undangan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau diiringi oleh delegasi lapan anggota mengandungi pegawai dari Kementerian Luar Tunisia, Kementerian Perdagangan dan Kerjasama Antarabangsa serta Kementerian Pelaburan Luar.

Tahun lalu, jumlah perdagangan antara Tunisia dan Malaysia ialah RM110 juta yang menguntungkan Tunisia.

Perdagangan luar Tunisia pada 1998 mencatatkan peningkatan eksport produk elektrik dan mekanikal sebanyak 25.7 peratus sementara eksport tekstil mmelonjak sebanyak 10 peratus.

Eksport barangan oleh negara itu meningkat sebanyak 6.2 peratus tahun lepas. sementara kadar inflasi ialah 3.1 peratus pada 1998, kadar paling rendah dicatatkan sejak 1972.

Mustapha berkata Tunisia kagum dengan pembangunan pesat yang dicapai oleh Malaysia dan menaruh harapan untuk mencontohi kejayaan Malaysia membangunkan negara.

Beliau menekankan tentang perlunya memperkukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi.

"Tahap kerjasama ekonomi sekarang masih rendah dan kurang memenuhi kehendak kedua-dua negara," kata Mustapha.

Mustapha berkata Suruhanjaya Bersama Tunisia-Malaysia akan bermesyuarat bagi merealisasikan potensi kedua-dua negara.

-- BERNAMA

ES FAZ